

D757

U B175 AAB
MAHATHIR - LOTERI

KUALA LUMPUR, 4 APRIL (BERNAMA) -- LEMBAGA LOTERI PERKHIDMATAN MASYARAKAT DAN KEBAJIKAN AKAN MENAMATKAN KEGIATANNYA DALAM TEMPOH ENAM BULAN DARI SEKARANG, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KATANYA, INI BERMAKNA BAHAWA TIDAK AKAN ADA LAGI LOTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT PADA MASA DEPAN TETAPI MENAMBAH KATA: +SKIM LOTERI LAIN TIDAK MELIBATKAN KERAJAAN, JADI KITA TIDAK AKAN KACAULAH+.

KEPUTUSAN ITU YANG DIBUAT DI MESYUARAT KABINET PAGI INI, AKAN MENGAMBIL MASA KIRA-KIRA ENAM BULAN UNTUK DILAKSANAKAN KERANA KERAJAAN TERPAKSA MENGAMBIL KIRA NASIB PEKERJA-PEKERJA YANG BERKERJA DENGAN LEMBAGA LOTERI ITU, KATANYA.

NASIB MEREKA YANG TERBABIT MENJUAL TIKET LOTERI BERKENAAN JUGA PERLU DIAMBIL KIRA, BELIAU MEMBERITAHU PEMBERITA SELEPAS BERBUKA PUASA DI MASJID KEMENTERIAN PERTAHANAN DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA: +TEMPOH ENAM BULAN ITU DIPERLUKAN UNTUK MENGATUR BEBERAPA PERKARA SEPERTI SOAL PERTUKARAN DAN LAIN-LAIN, ANDA TIDAK BOLEH TUTUP LEMBAGA ITU BEGITU SAHAJA MEMANDANGKAN RAMAI ORANG YANG TERBABIT, APA MEREKA NAK BUAT, KITA AKAN LAKUKAN SEGALA YANG TERDAYA.+ -- LAGI.

2144MST 04 04 90

U B176 AAB
MAHATHIR - LOTERI 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI KEHILANGAN HASIL BAGI KERAJAAN AKIBAT KEPUTUSAN ITU, BELIAU BERKATA: +KITA HARAP DAPAT MENGGANTIKANNYA DENGAN PUNCA-PUNCA LAIN.+

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA SEBELUM ITU KERAJAAN BERGANTUNG KEPADA PENDAPATAN HASIL PENJUALAN LOTERI TETAPI SEKARANG HASIL DAN KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN TELAH BERTAMBAH BAIK.

KETIKA DITANYA SAMA ADA KEPUTUSAN ITU MENANDAKAN BAHAWA PILIHAN RAYA UMUM SEMAKIN HAMPIR, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +SEMUANYA INI IALAH TANDA-TANDANYA.+

MENGENAI MENGAPA KEPUTUSAN ITU DIBUAT SEKARANG, BELIAU BERKATA: +APABILA KITA MEMBUAT KEPUTUSAN, ORANG AKAN BERTANYA DAN KALAU KITA MEMBUAT KEPUTUSAN 10 TAHUN DAHULUPUN, ORANG AKAN KATA MENGAPA KITA TIDAK BUAT LEBIH AWAL.+

PERDANA MENTERI JUGA MAKAN BERSAMA LEBIH 1,000 ORANG, KEBANYAKAN MEREKA ANGGOTA TENTERA TERMASUK PARA PEGAWAI KANAN. YANG TURUT HADIR IALAH PANGLIMA ANGKATAN TENTERA, JEN TAN SRI HASHIM MOHD ALI DAN PANGLIMA KETIGA-TIGA CAWANGAN ANGKATAN TENTERA. -- BERNAMA.

2149MST 04 04 90